

25 JUL 1998

Mahathir-mata wang

DR MAHATHIR BINCANG MASALAH MATAWANG DENGAN PEMIMPIN SELATAN AFRIKA

Oleh: Zulkefli Salleh

JOHANNESBURG, 25 Julai (Bernama) -- Masalah matawang yang kini menular ke Afrika Selatan selepas menjejaskan ekonomi negara-negara Asia akan menjadi tumpuan perbincangan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan para pemimpin negara-negara selatan Afrika dalam pertemuan mereka di Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID '98) yang bermula di Teluk Walvis, Namibia esok.

Perdana Menteri, yang mengakhiri lawatan kerja dua hari ke sini hari ini memberitahu wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Teluk Walvis, beliau akan menerangkan mengenai masalah matawang tersebut kepada para pemimpin Afrika dan berkongsi pengalaman Malaysia mengenainya.

"Pada umumnya terdapat minat yang meningkat di kalangan kerajaan-kerajaan di Afrika mengenai perniagaan matawang, bagaimana ia dilakukan, bagaimana ia menjejaskan ekonomi dan apa yang perlu mereka lakukan untuk bertindak balas atau melindungi ekonomi mereka".

"Saya akan membincangkan isu ini dengan mendalam di sana," kata Dr Mahathir.

Sembilan buah negara di selatan Afrika dijangka menyertai dialog tiga hari itu yang mencontohi Dialog Antarabangsa Langkawi.

Dr Mahathir berkata beliau telah bertukar pandangan dengan pemangku presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki mengenai masalah matawang selain membincangkan isu-isu dua hala semasa Mbeki mengunjungi beliau di rumah tetamu negara semalam.

Dr Mahathir berkata mereka juga menyentuh mengenai kesan-kesan perniagaan matawang terhadap ekonomi Malaysia dan Afrika Selatan khususnya dan Afrika secara amnya.

"Memandangkan banyak yang akan dibincang mengenai perkara ini (masalah matawang) di Namibia, saya tak boleh beri pandangan sekarang," katanya semasa ditanya sama ada terdapat cadangan yang konkrit dalam perbincangan mereka.

Nilai matawang rand Afrika Selatan jatuh kira-kira 30 peratus sejak matawang tersebut diserang oleh peniaga matawang Mei lalu.

Ditanya sama ada perbincangan di Teluk Walvis akan mewujudkan pendekatan bersama untuk menangani masalah matawang, Dr Mahathir berkata beliau perlu tunggu dahulu hasil daripada perbincangan berkenaan.

Ditanya mengenai cadangan Kumpulan 15 negara-negara membangun (G-15) untuk mengambil pendekatan bersama menangani masalah itu, Perdana Menteri berkata perkara itu telah dibincangkan sekali lagi di mesyuarat kumpulan itu di Kaherah tetapi malangnya beberapa negara anggota utama hanya diwakili oleh peringkat rendah.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kebimbangan Afrika Selatan berikutan berkurangnya peranan Malaysia sebagai pelabur kedua terbesar di negara itu, dengan pelaburan RM2.4 bilion sejak 1994, berikutan susut nilai ringgit.

Beliau berkata perkara itu berlaku kerana kos pelaburan di negara itu sekarang lebih besar berbanding sebelum masalah matawang berlaku.

"Berikutan daya saing kita kurang kompetitif sekarang, pelaburan kita sudah pasti berkurangan. Beberapa pelabur sudahpun memikirkan untuk menjual hartanah, kerana kita memerlukan wang untuk memulihkan ekonomi kita," kata beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata mungkin terdapat lebih banyak kegiatan dagangan dan pelancongan antara Malaysia dan Afrika Selatan kerana ia tidak memerlukan pelaburan.

"Saya telah berbincang dengan ahli perniagaan Malaysia di sini, kita perlu tingkatkan perdagangan antara kedua-dua negara," katanya.

Dr Mahathir berbincang selama sejam dengan mereka sebelum berlepas ke Namibia.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan Mbeki sama-sama merasmikan bank Southern Bank of Africa (SBA) di sini, usaha sama antara sebuah agensi kerajaan yang membantu penduduk pribumi Afrika Selatan, National Empowerment Trust (NET) dan Killingham (Malaysia) Berhad, pemegang saham terbesar Southern Bank Berhad, salah sebuah daripada 10 bank terbesar di Malaysia.

SBA mempunyai modal pusingan sebanyak 100 juta Rand. Lima puluh peratus sahamnya dimiliki oleh NET Investment Fund (Pty) Limited (NETIF) manakala selebihnya oleh Killingham.

Antara lain bank itu menyediakan kemudahan kewangan bagi keperluan masyarakat kulit hitam dan menawarkan perkhidmatan nasihat dan sokongan kepada pertubuhan yang ada hubungan dengan kerajaan.

Dalam ucapan perasmianya, Dr Mahathir memberi jaminan Malaysia akan terus memberi sokongan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Afrika Selatan untuk merapatkan jurang ekonomi antara pelbagai masyarakat di negara itu.

Beliau juga melahirkan harapan agar masalah ekonomi dan matawang yang dialami sekarang dapat pulih segera supaya beberapa rancangan yang diusahakan bersama Afrika Selatan dapat dilaksanakan untuk membantu merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat kulit hitam dan kulit putih.

Mbeki pula berkata SBA secara praktikalnya akan berusaha ke arah mewujudkan kerjasama Selatan-Selatan yang diperjuangkan oleh Dr Mahathir dan ini membuktikan bahawa Malaysia tidak melupakan Afrika Selatan meskipun menghadapi masalah ekonomi.

--BERNAMA

zks oba